

Jet baru Najib boleh hentikan penculikan di Sabah, soal Dr M
The Malaysian Insider
May 19, 2015

Tun Dr Mahathir Mohamad terus menyerang Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak dengan mempertikaikan tahap keselamatan negara di pesisir pantai dan di kawasan sempadan utara Semenanjung Malaysia.

Menerusi blognya, bekas perdana menteri paling lama berkhidmat itu secara sinis bertanya jika pembelian jet rasmi baru kerajaan yang dipertahankan Najib atas alasan "keselamatan", mampu menghentikan kes pencerobohan dan penculikan di Sabah serta penyeludupan senjata api di sempadan.

"Pesawat untuk keselamatan. Adakah ia akan menghentikan penculikan dan pencerobohan sewenang-wenangnya di Sabah dan penyeludupan senjata api di sempadan utara tanah air?"

"Atau adakah soal keselamatan hanya terhad untuk mereka yang terbang dengan jet?" soal Dr Mahathir menerusi tulisan terbaru di blognya petang ini.

Pada 17 Mei lalu, Najib menjawab pengkritiknya yang mempertikaikan pembelian pesawat Airbus ACJ320 baru sebagai jet rasmi negara yang ketujuh.

Menulis di dalam blog rasminya najibrazak.com, Najib berkata jet itu dibeli bagi menggantikan jet sebelum ini yang berusia 16 tahun.

Katanya, ia turut digunakan Yang Di Pertuan Agong menyebabkan aspek keselamatan pesawat amat dititik beratkan.

Terdahulu, PKR mendakwa pesawat itu dibeli menerusi Jet Premier One, syarikat sama yang mengendalikan pesawat ACJ319 yang turut digunakan Najib.

Menurut PKR, jet baru itu dibeli secara ansuran pada harga RM28.8 juta setahun di samping kos penjagaan sebanyak RM5.5 juta setahun, tidak termasuk kos bahan api.
– 19 Mei, 2015.

Copyright © 2015 Edge Insider Sdn Bhd

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/jet-baru-najib-boleh-hentikan-penculikan-di-sabah-soal-dr-m1>